



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 10 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	PET FOOD FROM TURKEY, FRANCE SEIZED, BRIEFS, THE SUN -2 MAQIS SEIZES IMPORTED PET FOOD WORTH RM177,000, NEWS IN BRIEF, NST -15 MAQIS SEKAT CUBAAN SELUDUP MAKANAN ANIING, KUCING, LOKAL, HM -12 MAQIS RAMPAS 24,945KG MAKANAN HAIWAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -23 MAQIS RAMPAS 24,945 KG MAKANAN HAIWAN, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	KITINGAN DENIES ALL PIGS IN SANDAKAN INFECTED, NATION, NST -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8.	KPDHNEP PANTAU BEKALAN BARANGAN, LOKAL, HM -18 PEKEBUN RUGI, LAMBAKAN PISANG BERANGAN, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	JUALAN AYAM PELADANG ISTIMEWA AIDILFITRI, NASIONAL, SH -12	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	SEMAI BUDAYA PENGELUAR, AKADEMIA, HM -37 16 PASAR TANI, 4 SAM TAWAR PROMOSI, NEGERI SELANGOR/KL/PAHANG, SH -25 RESAH 350 TAN TEMBIKAI BUSUK, DALAM NEGERI, UM -32 'HARGA DAGING TEMPATAN KEKAL RM34/KG', BH -ONLINE 12 PENIAGA INGKAR DIKOMPAN RM3,000, NASIONAL, BH -8 PENTERNAK LEMBU DAKWA MUNGKIN 'TUTUP KEDAI', NASIONAL, BH -8	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	THE SUN	BRIEFS	2

PET FOOD FROM TURKEY, FRANCE SEIZED

SHAH ALAM: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department Selangor seized over 24,000kg of pet food from Turkey and France worth RM177,000, at Westport, Port Klang on Friday, which did not meet import permit conditions. Its director, Zamri Hashim said during the department's routine inspection at 4pm, two containers with cat and dog food were found in violation of the department's import conditions as stated on the containers' permits, licences and declaration. "It is an offence under Section 15(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 and they can be punished under Section 15(2) of the same law and upon conviction, can be fined not exceeding RM100,000 or jailed up to six years or both," he said in a statement yesterday. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

Maqis seizes imported pet food worth RM177,000

SHAH ALAM: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) Selangor seized over 24,000kg of pet food from Turkey and France, worth RM177,000, at Westport, Port Klang here on Friday. Director Zamri Hashim said the two containers carrying cat and dog food did not meet the department's import conditions. "It is an offence under Section 15(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 and perpetrators can be punished under Section 15(2) of the same law and upon conviction can be fined not exceeding RM100,000 or imprisoned up to six years or both." **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12

Maqis sekat cubaan seludup makanan anjing, kucing

Pelabuhan Klang: Cuba seludup masuk makanan anjing dan kucing tanpa mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Tindakan itu bagaimanapun mengundang padah apabila ia berjaya dikesan sebelum 24,945 kilogram (kg) makanan haiwan (*petfood*) diisi dalam dua kontena di Tapak Pemeriksaan Gudang CFS, Pelabuhan Barat, dekat sini, dirampas, kelmarin.

Pengarah Maqis Selangor Zamri Hashim berkata, makanan haiwan itu dianggarkan bernilai lebih RM177,000 dan dipercayai berasal dari Turki dan Perancis.

"Rampasan itu dilakukan apabila anggota menjalankan pemeriksaan rutin pada jam 4 petang terhadap dua kontena berkenaan dan mendapati terdapat makanan haiwan untuk kucing dan anjing.

"Semua dagangan sebesar hampir 25 tan yang dianggarkan bernilai lebih RM177,000 ditahan untuk tindakan lanjut," katanya, semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati, barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana yang dinyatakan permit, lesen dan perakuan iaitu tiada sijil notifikasi makanan haiwan.

Katanya, ia menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	23

Maqis rampas 24,945kg makanan haiwan



Maqis menahan dua kontena yang mengandungi makanan untuk anjing dan kucing ketika pemeriksaan rutin kira-kira jam 4 petang.

KLANG - Jabatan Perkhidmatan Ku-aranin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua buah kontena yang mengandungi 24,945 kilogram (kg) makanan haiwan bernilai lebih RM177,000 dari Turki dan Perancis di Tapak Pemeriksaan Gudang CFS, Pelabuhan Klang Barat pada Sabtu.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Zamri Hashim berkata, kontena yang mengandungi makanan untuk anjing dan kucing itu ditahan ketika pihaknya menjalankan pemeriksaan rutin kira-kira jam 4 petang.

"Hasil pemeriksaan mendapati barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana yang dinyatakan permit, lesen dan perakuan.

"Ia menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Ku-aranin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, kesalahan ini turut boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15(2), akta sama dan jika sa-bit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara se-lama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Pihak Maqis akan terus memper-ketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang di-bawa masuk dari luar negara.

"Ini bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta pera-turan ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS rampas 24,945 kg makanan haiwan



MAQIS merampas 24,945 kilogram (kg) makanan haiwan menerusi satu pemeriksaan di Tapak Pemeriksaan Gudang CFS, Pelabuhan Barat, kelmarin. - Foto ihsan MAQIS

PELABUHAN KLANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas dua kontena yang membawa masuk 24,945 kilogram (kg) makanan haiwan menerusi satu pemeriksaan di Tapak Pemeriksaan Gudang CFS, Pelabuhan Barat, dekat sini kelmarin.

Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata makanan haiwan yang dianggarkan bernilai lebih RM177,000 itu dibawa masuk dari Turki dan Perancis.

"Rampasan itu dilakukan apabila anggota menjalankan pemeriksaan rutin pada jam 4 petang terhadap dua kontena berkenaan dan mendapati terdapat makanan haiwan untuk kucing dan anjing.

"Kesemua dagangan seberat 24,945 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai lebih RM177,000 ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan lanjut mendapati, barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import MAQIS sebagaimana yang dinyatakan permit, lesen dan perakuan iaitu tiada sijil notifikasi makanan haiwan.

Katanya, ia menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100, 000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Pihak MAQIS akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	NST	NATION	12

AFRICAN SWINE FEVER

Kitingan denies all pigs in Sandakan infected

KOTA KINABALU: Several viral audio messages claiming that all pigs in Sandakan have been infected with African Swine Fever (ASF) are untrue.

Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan said the messages claimed people should not eat pork as almost 2,000 pigs in two farms at Mile 12, Sandakan, had died of the disease.

Kitingan denied these claims, saying only a small pig farm was hit by the disease.

"It had about 450 head (of pigs) and the population began to die on April 27. Fifty-four pigs died within six days, and the death toll continues to this day," he said in a statement.

On April 29, the state Department of Veterinary Services (DVS) was notified of the deaths, and an investigation was conducted, including taking samples from the farm. On May 2, test results returned positive for ASF.

The DVS investigation also found that the area was within

5km of an outbreak of ASF among wild bearded pigs in March.

Kitingan, who is also state agriculture and food industry minister, said DVS suspected the farm failed to improve its biosecurity measures, resulting in the ASF infections.

The DVS prohibited pigs from being taken out of the farm since April 29, and all the animals have been culled.

Live pigs from other commercial farms in Sandakan are not allowed to leave the district without permission from DVS.

Kitingan said the government would compensate owners of pigs culled for disease control at a rate to be determined later.

However, there would be no compensation if a pig died of ASF before being culled, he said.

Farmers in Sabah are reported to have lost RM400,000 as a result of the disease.

Kitingan thanked farmers for their cooperation, which he attributed to a recent dialogue held

in Sandakan between DVS and pig farmers and pork sellers.

He also hoped that pig farmers would enhance their farms' biosecurity to combat ASF and prevent the disease from infecting their livestock.

"Despite this minor setback, the supply of local pigs remains secure, as the small farm contributed just four per cent of Sandakan's pork supply and less than 0.004 per cent of Sabah's pork requirements."

"Other pig farms in Sandakan and other areas of Sabah are free of ASF," he said, adding that Sandakan was declared an ASF outbreak area on March 23.

The virus has been detected in 11 districts, with nine of them declared ASF outbreak areas. Nabawan was the most recent on May 5.

Kitingan gave an assurance that pork on the market was safe to eat because all pigs were slaughtered in licensed abattoirs that were regularly inspected.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

KPDNHEP pantau bekalan barangan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap rangkaian bekalan barangan susulan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur bermula semalam hingga 16 Mei hadapan.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya akan menilai situasi bagi memastikan bekalan barangan mencukupi selain harga barang juga tidak terjejas menjelang sambutan Aidilfitri.

"KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang terbabit seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga persatuan-persatuan peniaga yang terbabit dalam isu ini.

"Walaupun insiden ini bukan kali pertama berlaku, situasi ini perlu ditanga-

ni dengan baik supaya ia tidak dijadikan alasan untuk menaikkan harga barang-barang tertentu," katanya semalam.

Sebelum ini dilaporkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memutuskan menutup operasi bahagian ikan di pasar borong itu berikutan ada beberapa kes Covid-19 membabitkan operator dan pekerja di pasar berkenaan.

Alexander turut menyeru pengguna terus menjadi mata dan telinga KPDNHEP serta menyalurkan maklumat berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang di bawah bidang kuasa kementerian itu secara rasmi.

Aduan boleh disalurkan menerusi portal e-aduan KPDNHEP; Call Centre

1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP, Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245 atau WhatsApp kepada 019-279 4317.



ALEXANDER

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	29

Pekebun rugi, lambakan pisang berangan

Harga pisang berangan dijual lebih rendah iaitu RM2 sekilogram berbanding RM2.50 sekilogram sebelum ini

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Pengusaha kebun pisang berangan di Kampung Lubok Jaya di sini berdepan kerugian ekoran lambakan tanaman itu sejak sebulan lalu.

Seorang penanam pisang berangan, Md Nor Yasin, 57, berkata, 7,000 pokok pisang berangan ditanam di kawasan seluas enam hektar itu berdepan lambakan berikutan aktiviti pembelian yang perlahan.

Menurutnya, kira-kira lebih

dua tan metrik pisang berangan yang sudah boleh dituai di kebunnya itu masih belum terjual sehingga sekarang.

"Kalau tahun lepas purata saya dapat menjual pisang berangan RM2,000 satu metrik pada setiap minggu, tetapi tahun ini keadaannya jauh merudum apabila tanaman ini kekurangan permintaan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Md Nor berkata, biasanya tanaman pisang itu dijual kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pemborong yang menjualnya kepada peniaga.

"Namun FAMA dan pemborong sudah menghentikan pembelian kerana terdapat lebihan pisang berangan buat masa ini.

"Masalah ini bukan sahaja dialami saya, tetapi empat rakan lain yang turut mengeluh hadapi masalah sama," katanya.

Malah beliau berkata, harga

pisang berangan juga dijual pada harga jauh lebih rendah iaitu RM2 sekilogram (kg).

"Jika dahulu harga pisang berangan dijual RM2.50 sekilogram, tetapi disebabkan permintaan merosot harga mengalami penurunan sebanyak 50 sen," katanya.

Justeru, Md Nor berkata, pekebun kini hanya mengharapkan sepenuhnya kepada FAMA yang dapat membeli semua pisang berangan bagi mengelak menanggung kerugian.

Katanya, penjualan pisang kepada FAMA dapat mengurangkan bebanan terpaksa ditanggung pengusaha kebun pisang terutama menjelang Aidilfitri tidak lama lagi.

"Saya sendiri misalnya sudah membelanjakan sebanyak RM40,000 sebagai modal permulaan untuk mengusahakan tanaman ini, selain bergantung harap kepada jualan pisang sebagai punca pendapatan sejak 10 tahun lalu," katanya.



Md Nor menunjukkan lambakan pisang berangan di kebunnya di Kampung Lubok Jaya.

10/5/2021

SINAR
HARIAN

NASIONAL

12

Jualan ayam Peladang istimewa Aidilfitri

Promosi diadakan di lapangan negeri serta lokasi terpilih pada 11 dan 12 Mei ini

Oleh MOHD AZLIM
ZAINURY

SHAH ALAM

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) terpilih menganjurkan promosi jualan

ayam murah sempena Aidilfitri.

NAFAS dalam satu kenyataan berkata, jualan istimewa ayam akan dipasarkan dengan harga antara RM5.50 hingga RM6 seekor bagi ayam jenama Peladang 1.2 kilogram (kg) dan RM11 seekor bagi ayam potong jenama Peladangu (2kg).

Menurut kenyataan itu, promosi berkenaan akan diadakan di lapangan negeri serta lokasi terpilih pada 11 dan 12 Mei 2021.

Kata kenyataan itu lagi, tawaran istimewa kepada para pembeli sempena Aidilfitri adalah dihadkan dua pek untuk seorang.

“Terhad bagi 2,000 ekor ayam sahaja di setiap lokasi. Jangan lepaskan peluang. Produk ayam jenis Super dan Standard jenama Peladang dijamin bersih, berkualiti dan pastinya halal,” kata kenyataan itu pada Ahad.



Orang ramai yang ingin mendapatkan bekalan ayam jangan lepaskan peluang untuk menikmati jualan murah dengan mengunjungi lokasi-lokasi seperti berikut:

Negeri Perlis

Lokasi: PPK Mata Ayer
Tarikh Jualan: 11 Mei 2021

Harga: RM6 / seekor (ayam super) / 1.2 KG

Negeri Pulau Pinang

Lokasi: PPN Pulau Pinang
Tarikh Jualan: 11 Mei 2021
Harga: RM6 / seekor (ayam super) / 1.2 KG

Negeri Kedah

Lokasi: Agrobazaar Rakyat PPK Kubur Panjang
Tarikh Jualan: 11 Mei 2021

Harga: RM6 / seekor (ayam super) / 1.2KG

Negeri Selangor

Lokasi: Peladang Mart, PPN Selangor, Shah Alam
Tarikh Jualan: 11 & 12 Mei 2021

Harga: RM11 / per pek (ayam potong) / 2KG

Negeri Putrajaya

Lokasi: Surau Ar Rahim

Presint 15, Putrajaya (Tempahan melalui Whatsapp & self pickup di lokasi)
Tarikh Jualan: 11 & 12 Mei 2021

Harga: RM11 / per pek (ayam potong) / 2KG

Hutongi: 019-5898369 (Fais) 016-2921438 (Shakir)

Negeri Melaka

Lokasi: Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) PPK Jasir
Tarikh Jualan: 11 & 12 Mei 2021

Harga: RM5.50 / per KG (ayam standard)

Negeri Johor

Lokasi: Peladang BizCentre, Batu Pahat Tengah
Tarikh Jualan: 11 Mei 2021

Harga: RM6 / seekor (ayam super) / 1.2KG

Negeri Terengganu

Lokasi: Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) PPK Maras, Kuala Terengganu
Tarikh Jualan: 11 & 12 Mei 2021

Harga: RM5.50 / per kg (ayam standard)

SEMAI BUDAYA PENGELUAR

Warga Usim sertai projek pembudayaan prosumerisme menerusi penanaman rock melon

Oleh Sultani Aeri
sultani@metro.com.my

Pertanian tidak hanya memberikan hasil yang boleh dituai untuk kegunaan sendiri, malah ia dapat menjana kewangan berbaloi kepada mereka yang menceburi bidang ini.

Justeru, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) giat mempromosikan 'prosumerisme' kepada warga kampus.

Tidak lagi menjadi pengguna (consumer), Usim ingin melihat kakitangan dan pelajarannya turut menjadi pengeluar (producer) dengan pertanian salah satu lapangan yang boleh diceburi.

Jabatan Keselamatan Usim menyahur cabaran untuk mengeratkan projek pembudayaan prosumerisme dalam kalangan kakitangannya dengan tanaman rock melon fasa satu bermula Disember tahun lalu.

Baru-baru ini, tuai hasil pertama rock melon disempurnakan Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Mohamed Ridza Wahiddin.

Penyelaras projek tanaman rock melon jabatan Keselamatan Usim, Rozaimi Kamaruddin berkata, sebanyak 400 rock melon dipetik dari fasa pertama dan ia sesuatu yang cukup berbaloi.

"Tanaman rock melon mengambil masa sekitar 75 hari dari hari pertama benih disemai untuk dapatkan saiz



DR Mohamed Ridza menyempurnakan hasil tuai pertama rock melon dari Laman Prosumerisme Jabatan Keselamatan Usim.



HASIL tuai pertama rock melon.

buah yang matang dengan kualiti isi dan rasanya manis apabila dipetik.

"Bagi hasil tuai pertama ini, kami akan berikan secara percuma kepada kakitangan Usim. Kami sasaran 10,000 polibeg rock melon ditanam dalam

Nur Ekmal Bukhary berkata, objektif utama yang ingin dicapai melalui tanaman nanas MD2 ini ialah meningkatkan pendapatan warga Usim terutama golongan B40 dalam meneruskan kelangsungan hidup pasca pandemik global.

"Kami juga mahu meningkatkan bilangan syarikat milik warga Usim yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selaku pencipta kerja dan meningkatkan bilangan inkubator keusahawanan berasaskan prosumerisme dalam Usim.

"Sehingga Mac lalu, kami sudah jalankan beberapa siri kursus Asas Pta Pengenalan Tanaman Projek Prosumer Nanas MD2 dengan membabitkan 25 peserta.

"Bagi melaksanakan pembabitkan jabatan lain di Usim pula, kami mengagihkan Starter Kit Tanaman Nanas MD2 lafau 50 sulur nanas beserta 10 beg tanah oganik, polibeg dan baja kepada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Pusat Perumahan Pelajar (Prupel) dan Pusat Kelestarian dan Kesejahteraan (C4SS)," katanya.



TMBAHAN Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mensor Othman mengumuhkan saiz nanas MD2 dalam kawasan kerja beliau ke USIM.

16 pasar tani, 4 SAM tawar promosi

Potongan harga untuk pembelian daging lembu, ayam dan santan selama tiga hari

Oleh ASTRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Sebanyak 16 lokasi pasar tani dan empat Selangor Agro Market (SAM) akan beroperasi sekitar negeri ini sepanjang tiga hari bermula pada Ahad.

Pengumuman itu bertujuan memastikan bekalan bahan mentah dan barangan keperluan asas mencukupi khususnya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berakui beberapa hari lagi.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas

Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, pelaksanaan pasar tani khas itu juga turut menawarkan promosi khas kepada pengunjung melibatkan tiga barangan keperluan iaitu daging lembu, ayam dan santan.

"Kita telah memperuntukkan RM50,000 bagi pemberian subsidi di mana terdapat potongan harga untuk pembelian ketiga-tiga barangan ini.

"Menerusi subsidi ini, potongan harga RM5 akan diberikan bagi pembelian sekilo daging manakala potongan RM3 bagi seekor ayam dan RM2 bagi sekilo santan," katanya selepas melakukan lawatan di Tapak Pasar Tani Stadium Shah Alam pada Ahad.

Dalam pada itu, Izham berkata, pemberian subsidi itu sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan orang awam khususnya menjelang perayaan tidak lama lagi.

Beliau berkata, pihaknya juga cuba menganjurkan pasar



Izham (kanan) menyerahkan kupon promosi potongan harga melibatkan tiga barangan berbalut sewadku kesediaan ke Tapak Pasar Tani Stadium Shah Alam pada Ahad.

tani itu di setiap daerah seluruh Selangor bagi memudahkan orang awam mendapatkan barangan keperluan mereka, di samping mengurangkan pergelakan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

"Kita cuba untuk laksanakan sebanyak yang boleh bagi memastikan bekalan mencukupi di samping mengelakkan lambakan dan pembaziran," katanya.

"Baru-baru ini juga kita ada membeli empat tan pisang yang tidak dapat dijual untuk dipasarkan semula di pasar-pasar tani dengan harga tertentu.

"Kita sentiasa memantau keadaan ini berdasarkan laporan-laporan yang diterima," katanya.

Lokasi pasar tani dan Selangor Agro Market

9 Mei 2021

- Pasar Tani Kota Damansara, Petaling
- Pasar Tani Putra Heights, Subang Jaya
- Pasar Tani Laman Negeri Komuniti Bandar Baru Bangi
- Pasar Tani Taman Datuk Ahmad Razali, Ampang
- Pasar Tani Dataran Puchong Permai
- Pasar Tani Taman Keras
- Pasar Tani Stadium (1) Shah Alam

11 Mei 2021

- Pasar Tani Taman Melawati
- Pasar Tani Saujana Utama, Sungai Buloh

12 Mei 2021

- Pusat Operasi FAMA Dengkil
- Pasar Tani Seksyen 17, Shah Alam
- Pasar Tani Andalas
- Pasar Tani Seksyen 6, Kelana Jaya (1)
- Pasar Tani Taman Seraya, Ampang
- Pasar Tani Dataran Puchong Permai

- Pasar Tani Bandar Kinara 5, Puchong
- Pasar Tani Rawang Batu 17
- Bazar Ramadan Tanah Lese, Parit Baru
- Kilang Kopi FAMA Bentong
- Taman Cempaka, Pandan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Resah 350 tan tembikai busuk

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Lebih 50 peniaga di sekitar daerah ini, Kota Bharu dan Bachok terpaksa 'berputih mata' jika 350,000 kilogram bekalan tembikai dalam simpanan mereka tidak terjual dan mula membusuk, susulan arahan penutupan gerai tepi jalan berkuat kuasa hari ini.

Berdasarkan harga belian secara pukal dari ladang RM1.50 sekilogram, situasi tersebut dijangka mengakibatkan kumpulan peniaga terbabit berdepan kerugian besar iaitu mencecah RM525,000.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sepanjang jalan utama Tok Bali - Pasir Puteh - Bachok di sini bagaimanapun mendapati hanya segelintir gerai buah-buahan ditutup biarpun notis arahan penutupan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) sudah diedarkan sejak semalam.

Salah seorang peniaga yang masih membuka gerai, Siti Nurhidayu Husin, 37, berkata, para peniaga buah-buahan bukan berniaga secara bermusim sebagaimana peniaga gerai lauk-pauk atau kuih-muih yang hanya mencari rezeki ketika bulan Ramadan sahaja.

"Ini satu-satunya punca rezeki saya sepanjang tahun. Saya akan tutup gerai jika kerajaan negeri sanggup beri pampasan



TERDAPAT gerai tembikai di Tok Bali, Pasir Puteh yang terus beroperasi biarpun diarah tutup kerana mahu mengelak berdepan kerugian besar. - UTUSAN/TOREK SULONG

RM12,000 iaitu modal yang saya habis untuk bekalan tembikai baru diterima dari Jertih, Terengganu semalam," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, **Muhamad Ismail**, 36, pula akur dengan arahan dikeluarkan Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dan bertindak mengagihkan satu tan bekalan tembikai dalam simpanannya secara percuma kepada orang ramai.

Walaupun akur, **Muhamad** menyifatkan arahan penutupan gerai dikeluarkan kerajaan negeri itu bagaikan memberi 'wahyu' tanpa kajian termasuk tidak turun padang untuk mendengar sendiri pandangan peniaga.

"Yang peliknya pasar tani di Cherang Ruku melibatkan 30 peniaga dibenarkan beroperasi pula. Saya difahamkan mereka membayar permit agak mahal.

Mungkin pihak berkuasa melihat Covid-19 hanya menjangkiti gerai di tepi jalan tetapi tidak di pasar tani," sindirnya.

Turut mengeluh peniaga **duran, Zaini Ismail**, 50, yang berkata, arahan drastik dikeluarkan kerajaan negeri tidak logik akal kerana gagal mengambil kira kerugian ditanggung mereka memandangkan buah-buahan hanya mampu bertahan dalam tempoh empat hari sahaja,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

'Harga daging tempatan kekal RM34/kg'



Orang ramai membeli daging sebagai persiapan menyambut Aidilfitri di Pasar Tani Stadium Shah Alam. - NSTP/MUHD ASYRAF SAWAL

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kekal dengan ketetapan harga bekalan daging tempatan pada kadar RM34 mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata penetapan harga itu dibuat selepas perbincangan dengan pihak berkepentingan khususnya penggerak industri dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kita sudah menyemak perkara itu dan memutuskan untuk mengekalkan harga RM34 sekilogram bagi bekalan daging tempatan.

"Harga ini bukan kita letak suka-suka, sebaliknya selepas mengadakan libat urus dan persetujuan bersama penggerak pemain industri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, selain pemantauan harga oleh Bahagian Harga Barang Negara," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan kebanyakan peniaga daging tempatan yang didakwa menjual barangan keperluan itu mengikut harga pasaran tanpa mematuhi ketetapan kerajaan dalam SHMMP.

Susulan tindakan itu, harga daging tempatan kini dilaporkan dijual antara RM38 hingga RM42 sekilogram (kg), berbanding RM34/kg seperti ditetapkan KPDNHEP dalam SHMMP.

Rosol berkata, ada peniaga menjual daging tempatan pada harga lebih rendah di sesetengah kawasan iaitu RM32/kg berbanding harga runcit ditetapkan dalam SHMMP 2021.

Katanya, antara kawasan itu ialah beberapa pasar di Terengganu seperti Pasar Ajil, Pasar Batu 6, Pasar Kuala Berang, Pasar Bukit Besar dan Pasar Payang.

"Begitu juga beberapa pasar di Kelantan yang kita dapati menjual bekalan daging pada harga lebih rendah antaranya di Pasar Besar Machang dan Pasar Besar Gua Musang," katanya.

Rosol berkata, sebanyak 59 kes dikesan membabitkan penjualan barangan melebihi harga SHMMP sejak semalam, sejak skim harga itu berkuat kuasa 21 April lalu.

Beliau berkata, 13 daripada kesalahan membabitkan penjualan bekalan daging tempatan melebihi SHMMP.

"Sebanyak 13 kes membabitkan penjualan daging tempatan melebihi SHMMP namun 12 dikenakan kompaun manakala satu kes masih dalam siasatan.

"Jumlah kompaun dikenakan kepada peniaga yang menyalahi bekalan daging tempatan melebihi harga maksimum ialah RM3,000.

"Kita minta pihak yang mempunyai maklumat berhubung pelanggaran SHMMP supaya melaporkan perkara itu kepada kita untuk diambil tindakan melalui unit bergerak," katanya.

Rosol berkata, pihaknya menasihatkan peniaga berkompromi dan memahami keadaan pengguna, selain masalah COVID-19 yang dihadapi kini dengan mematuhi SHMMP.

Katanya, pihak yang melanggar skim harga maksimum boleh dikenakan hukuman mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Harga ditetapkan ini bersesuaian, asalkan mereka tidak mengalami kerugian dan tidak membebankan pengguna dan peniaga," katanya.

Sejak dilancarkan, SHMMP merekodkan 244 kes iaitu 13 kesalahan dilakukan pemborong dan 231 oleh peruncit.

Katanya, kesalahan paling banyak direkodkan ialah kegagalan peniaga meletakkan tanda harga iaitu 106 kes.

Rosol berkata, 79 kesalahan tidak meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu dan baki 59 menjual melebihi harga maksimum.

"Nilai kompaun yang dikeluarkan keseluruhannya sehingga semalam ialah RM37,750 dan nilai sitaan RM24,992.97.

"Negeri paling banyak merekodkan kesalahan ialah di Johor sebanyak 68 kes, 38 di Sarawak dan 28 di Terengganu," katanya.

Harga siling daging RM34 sekilogram

12 peniaga ingkar dikompaun RM3,000

KPDNHEP tak kompromi ambil tindakan tegas jual melebihi harga siling ditetapkan

Oleh: Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran, tindakan tegas menanti peniaga daging yang menjual melebihi paras siling RM34 sekilogram (kg) seperti ditetapkan mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Ketegasan itu sudah terbukti apabila 13 peniaga daging sudah dikenakan tindakan, termasuk 12 dikenakan kompaun RM3,000 bagi kesalahan berkenaan, manakala satu lagi masih dalam siasatan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, menegaskan yang penetapan harga RM34/kg bagi daging tempatan itu dibuat selepas perbincangan dengan pihak berkepentingan, khususnya penggerak industri dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kita sudah menyepak perkara itu dan memutuskan untuk mengekalkan harga RM34 sekilogram



Peniaga daging lembu tempatan mendakwa dihipit isu harga siling dalam tinjauan di di Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam. (Foto Rohanis Shukri /BH)

bagi bekalan daging tempatan.

"Harga ini bukan kita letak suka-suka atau memandai-mandai, sebaliknya selepas mengadakan libat urus dan persetujuan bersama penggerak pemain industri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, selain pemantauan harga oleh Bahagian Harga Barang Negara," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas tindakan kebanyakannya peniaga daging tempatan yang didakwa menjual barangan keperluan itu mengikut harga pasaran tanpa mematuhi ketetapan kerajaan dalam SHMMP.

Susulan tindakan itu, harga daging tempatan kini dilaporkan

dijual antara RM38 hingga RM42/kg berbanding RM34/kg seperti ditetapkan KPDNHEP dalam SHMMP.

Rosol mendedahkan, ada peniaga menjual daging tempatan pada harga lebih rendah di se-seengah kawasan iaitu RM32/kg berbanding harga runcut ditetapkan dalam SHMMP 2021.

Katanya, antara kawasan itu ialah beberapa pasar di Terengganu seperti Pasar Ajil, Pasar Batu 6, Pasar Kuala Berang, Pasar Bukit Besar dan Pasar Payang.

"Begitu juga beberapa pasar di Kelantan yang kita dapati menjual bekalan daging pada harga lebih rendah antaranya di Pasar

Harga ini bukan kita letak suka-suka atau memandai-mandai, sebaliknya selepas mengadakan libat urus dan persetujuan bersama penggerak pemain industri

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan
Dalam Negeri
dan Hal
Ehwal
Pengguna



Besar Machang dan Pasar Besar Gua Musang," katanya.

Rosol berkata, sebanyak 59 kes dikesan membabitkan penjualan barangan melebihi harga SHMMP setakat semalam, sejak skim harga itu berkuat kuasa 21 April lalu.

Beliau berkata, 13 daripada kesalahan membabitkan penjualan bekalan daging tempatan melebihi SHMMP.

"Sebanyak 13 kes membabitkan penjualan daging tempatan melebihi SHMMP, namun 12 dikenakan kompaun manakala satu kes masih dalam siasatan.

"Jumlah kompaun dikenakan kepada peniaga yang menyalahi

Penjual daging ingkar harga siling sedia ke mahkamah



Keratan akhbar BH, semalam.

bekalan daging tempatan melebihi harga maksimum ialah RM3,000.

"Kami minta pihak yang mempunyai maklumat pelanggaran SHMMP supaya melaporkan perkara itu kepada kami untuk diambil tindakan melalui unit bergerak," katanya.

Rosol berkata, pihaknya menasihatkan peniaga berkompromi dan memahami keadaan pengguna, selain masalah COVID-19 yang dihadapi kini dengan mematuhi SHMMP.

Beliau berkata, pihak yang melanggar skim harga maksimum boleh dikenakan hukuman mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Harga ditetapkan ini berse-sualan, asalkan mereka tidak mengalami kerugian dan tidak membebaskan pengguna dan peniaga," katanya.

Sejak dilancarkan, SHMMP merekodkan 244 kes iaitu 13 kesalahan dilakukan pemborong dan 231 oleh peruncit.

Katanya, kesalahan paling banyak direkodkan ialah kegagalan peniaga meletakkan tanda harga iaitu 106 kes.

Rosol berkata, 79 kesalahan tidak meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu dan baki 59 menjual melebihi harga maksimum.

"Nilai kompaun yang dikenakan keseluruhannya sehingga semalam ialah RM37,750 dan nilai sitaan RM24,992.97.

"Negeri paling banyak merekodkan kesalahan ialah di Johor sebanyak 68 kes, 38 di Sarawak dan 28 di Terengganu," katanya.

Penternak lembu dakwa mungkin 'tutup kedai'

Kuala Lumpur: Golongan penternak lembu mendakwa mereka mungkin terpaksa 'tutup kedai' berikutan kerugian yang dialami susulan kawalan harga bekalan daging yang ketat pada kadar yang tidak memadai.

Pengerusi Zon Selatan Kelab Generasi Transformasi Ruminan, Kamaruzzaman Abdul Jalil, berkata penetapan harga RM34 sekilogram (kg) bagi daging tempatan memberi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 didakwa merugikan penternak dan peruncit.

Beliau mendakwa, harga RM34/kg itu adalah 'harga' lama yang diguna pakai sejak tiga tahun lalu dan sudah tidak bersesuaian

dengan situasi semasa, apatah lagi ketika penternak terpaksa menampung kenaikan kos makanan ternakan sehingga 50 peratus.

"Harga RM34 ini adalah harga siling pada 2018 hingga 2020 yang bagi saya tidak memadai dan tidak berada pada situasi yang adil untuk penternak dan peruncit daging.

"Ia boleh menyebabkan kami kerugian atau hanya mendapat keuntungan sangat sedikit. Malah jika keadaan ini berterusan akan menyebabkan banyak penternak lembu tutup kedai kerana industri ini tidak memberi keuntungan," katanya ketika dihubungi BH, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan kebanyakan

peniaga daging tempatan kini menjual barangan keperluan itu mengikut harga pasaran tanpa mematuhi ketetapan kerajaan dalam SHMMP.

Susulan tindakan itu, harga daging tempatan kini dijual di antara RM38 hingga RM42/kg berbanding RM34/kg seperti ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam SHMMP.

Pada masa sama, Kamaruzzaman mendakwa harga yang dipersetujui di antara peniaga dan pengguna bagi daging tempatan adalah antara RM38 hingga RM40 kerana sudah diamalkan sejak tahun lalu.

"Namun ia mula menjadi isu apabila KPDNHEP mengeluarkan

kan harga siling 2021 pada kadar RM34/kg.

"Sewajarnya kerajaan mengkaji situasi COVID-19 yang sangat memberi kesan kepada harga ternakan dan pelbagai peningkatan kos pada tahun ini sebelum meletakkan harga siling," katanya.

Beliau mendakwa, harga siling ditetapkan kerajaan tidak selari perkembangan semasa dan tidak dibawa berhubung terlebih dahulu di antara peruncit daging dan penternak lembu.

"Di sudut penternak, kos makanan sudah naik di antara 30 hingga 50 peratus begitu juga dengan harga ternakan sepanjang 2018 hingga 2021.

"Di sudut peruncit daging pula, sejak COVID-19 tempoh masa per-

niagaan yang pendek, kos buruh, sewa dan jualan yang berkurang meningkatkan kos perniagaan.

"Berikutan itu, mereka terpaksa menaikkan harga bagi menampung kos," katanya.

Sementara itu, aktivis penternak, Mohd Faisal Idris, mendakwa penetapan harga RM34/kg bagi bekalan daging tempatan itu tidak tepat dengan situasi semasa.

"Jika ada perbincangan di antara Kementerian dan pihak berkepentingan, apakah mungkin mereka tidak dapat harga yang tepat?"

"Tiada penjual yang boleh menjual pada harga RM34 itu kerana kenaikan harga sumber makanan dalam pasaran," katanya.